

## Undang-Undang Siber Dari Perspektif Islam

Tamrin Amboala<sup>a,\*</sup>, Ainnur Hafizah Anuar Mokhtar<sup>a</sup>, Mohd Zulkifli Muhammad<sup>b</sup>, Nasrul Hisyam Nor Muhamad<sup>c</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah-Kampus Antarabangsa Labuan, Jalan Sungai Pagar, 87000 W. P. Labuan

<sup>b</sup>Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, P.O.Box: 36, Jalan Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

<sup>c</sup>Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Malaysia

\*Corresponding author: tamrin@ums.edu.my

### Article history

Received: 5 December 2013

Received in revised form:

5 August 2014

Accepted: 1 December 2014

### Abstract

The paper presents a comparative study between the existing cyber laws in Malaysia and the Islamic perspective concerning four major issues in cyber space particularly concerning i) privacy, ii) trust, iii) theft and iv) contract. The study uses comparative approach from the main source of Islamic Syariah - Quran and Sunnah (tradition of the prophet s.aw.) and a thorough study of the existing law pertaining to cyber crime such as Communication and Multimedia Act 1998 and Computer Crime Act 1997. The study prevails that the above concerns principally seems to be consistent with Islamic view. However, more extensive study must be carried out when it comes to implementation of these issues in e-commerce. With more than one billion Muslim population, the research will serve as a baseline for establishing an alternative view from Islamic perspective and cyber laws that taken into account approach based on Syariah to meet new challenges for Muslim Ummah in cyberspace.

*Keywords:* Cyber Law, Islamic Law, Malaysian Law

### Abstrak

Artikel ini membentangkan kajian komparatif antara undang-undang siber di Malaysia dengan perspektif Islam berkenaan empat isu utama berkenaan i) privasi dan kebolehpercayaan ii. Amanah, iii data peribadi dan iv. Kontrak. Kajian ini menggunakan pendekatan komparatif dari dua sumber utama Syariah – Quran dan Sunnah serta kajian menyeluruh terhadap undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Jenayah Komputer 1997. Kajian ini mendedahkan bahawa perkara tersebut secara prinsipnya selari dengan pandangan Islam. Walaubagaimanapun, lebih banyak kajian lanjut perlu dijalankan berkenaan perlaksanaan nya dalam e-dagang dan e-niaga. Dengan populasi lebih dari satu billion umat Islam, kajian ini berperanan sebagai asas dalam satu pandangan alternatif dalam Islam dan undang-undang siber sebagai menyahut cabaran untuk umat Islam di alam siber.

*Kata kunci:* Undang-undang Siber, Undang-undang Islam, Undang-undang Malaysia

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### 1.0 PENDAHULUAN

Urusan muamalat pada kurun ke 21 ini jauh berbeza, kewujudan Internet merancakkan lagi aktiviti perniagaan. Kini kebanyakan peniaga bermula dari syarikat korporat, kecil dan sederhana mahupun perniagaan dari rumah mempunyai laman web perniagaan sendiri dan kebanyakan urusan perniagaan dilakukan diatas talian. Maklumat dan Data Peribadi semuanya berada didalam talian. Maka kehadiran Internet mewujudkan termabaru iaitu jenayah siber yang memerlukan para ilmuwan Islam membesarkan skop Syariah melangkaui konteks tradisional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Permasalahan seperti privasi, amanah, curi dan kontrak dalam konteks siber tidak berlaku secara fizikal, maka pendakwaan agak sukar kerana kadang-kala tidak melibatkan bukti fizikal.

Dalam artikel ini, cadangan diberikan berkaitan undang-undang jenayah komputer Islam yang akan membuka jalan ke

arah penyelidikan masa depan selanjutnya oleh pakar keselamatan komputer, ahli akademik, penggubal undang-undang dan ahli-ahli teologi Islam sama. Undang-undang jenayah komputer yang dicadangkan amnya hendaklah bertindak sebagai pencegahan berbanding ubat dalam masyarakat.

### 2.0 JENAYAH SIBER DI MALAYSIA

Menurut CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains dan Teknologi menyatakan bahawa jenayah siber terdiri dari tiga kategori iaitu (<http://csm27001.cybersecurity.my>):

- Pertama yang mana sistem teknologi maklumat dan komunikasi dan harta intelek di ceroboh, di eksploitasi, identiti dan maklumat dicuri.

- Kedua yang mana peranti ICT digunakan untuk melakukan jenayah. Sebagai contoh komputer dirumah digunakan untuk membuat satu program yang dapat menceroob komputer orang lain untuk mencuri duit, identiti dan kata laluan.

- Ketiga yang mana peranti ICT digunakan sebagai medium jenayah. Contohnya membuat hasutan, celaan, mencetuskan pergolakan dan ketidakharmonian, membuli, mengintip dan menipu.

Sebagaimana yang dilaporkan oleh CyberSecurity Malaysia, kejadian jenayah siber di Malaysia berada ditahap kritikal dimana berlaku peningkatan sehingga 127% pada tahun 2010 atau bersamaan dengan 8,090 kes berbanding dengan 3,564 kes bagi tahun 2009 (Laporan Tahunan CyberSecurity Malaysia, 2010). Sejumlah 4,865 aduan diterima dari Januari sehingga Mei 2012 yang berkaitan dengan jenayah siber yang kebanyakannya adalah seperti kes penipuan, ugutan dan lain-lain di seluruh Malaysia. Malah jenayah siber sudah menular ke sosial media seperti facebook dan menggunakan medan tersebut untuk mengeksploitasi mangsa (New Sabah Times, 22 Jun 2012).

Antara ancaman baru yang berlaku di Malaysia menurut Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia:

- Buli siber (*cyber bully*) yang digunakan oleh pelajar-pelajar untuk membuli rakan-rakan termasuk guru mereka;
- Pengendap siber (*cyber stalking*) iaitu penjenayah mengintip mangsa dan menyelidik segala maklumat dan aktiviti-aktiviti mangsa.
- Tatabias siber (*cyber grooming*) iaitu penjenayah cuba mendapatkan kepercayaan mangsa terlebih dahulu sehingga kemudian mangsa sanggup menyerahkan wang ataupun menjadi kedi dadah kepada penjenayah berkenaan.
- Pencuri identiti (*identity theft*) iaitu penjenayah mencuri maklumat akaun bank mangsa dan kes ini banyak terjadi melalui proses pembelian barang secara atas talian.

Walaupun laporan yang dikemukakan di atas agak membimbangkan namun statistik terhadap pendakwaan dan hukuman ke atas kesalahan tersebut sukar diperolehi memandangkan mekanisme pendakwaan yang kompleks yang sangat mencabar pengamal undang-undang di Malaysia.

### ■ 3.0 UNDANG-UNDANG SIBER MENURUT ISLAM

Pada pandangan Islam, semua hukum-hakam telah dinyatakan didalam sumber-sumbernya sendiri seperti Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qiyas. Oleh itu empat sumber utama ini menjadi dalil kepada setiap masalah yang berlaku walaupun melibatkan isu-isu baru seperti jenayah siber.

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyentuh tentang peribadi dan tingkah laku manusia. Jenayah siber berlaku apabila manusia lupa hukum tuhan, mengikut nafsu dan terpengaruh dengan ajakan syaitan. Maka jika kita berbalik dan menghayati, memahami dan mendalami ayat-ayat Al Quran, segala tingkah laku manusia yang buruk akhlakanya boleh berubah menjadi baik.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya, kami telah turunkan kepada kamu, ayat-ayat keterangan yang menjelaskan hukum-hukum suruh dan tegah, dan contoh tauladan mengenai kisah-kisah dan berita orang-orang yang lalu sebelum kami, serta nasihat dan pengajaran bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa”*

(An-Nur, 24: 34)

### 3.1 Privasi dan Hak Peribadi

Pengendap siber misalnya telah melanggar hak peribadi seseorang, terdapat banyak ayat Al Quran yang menyebut tentang halhak peribadi, kepercayaan dan kecurian yang boleh dijadikan rujukan. Antaranya Firman Allah mengenai hak peribadi dalam konteks melibatkan kediaman;

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin serta memberisalam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan)”*

(An-Nur, 24: 27)

Dalam ayat di atas, Allah SWT menerangkan cara dan adab peraturan berziarah ke rumah orang lain, supaya terhindar perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Ini menunjukkan Islam mengiktiraf hak peribadi individu, sepertititida sesiapa boleh menceroob hak peribadi orang lain tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu.

### 3.2 Jauhi Dari Mencari Keaiban Orang Lain

Pada kebiasaannya, pengendap dan membuli siber sering mencari-kesalahan dan keaiban orang lain dengan menyelidik maklumat mangsa dan kemudiannya didedahkan kepada umum melalui sebaran di laman sosial. Ini menyebabkan mangsa malu dan trauma berhadapan dengan masyarakat sekeliling. Malah aktiviti mengendap dan membuli siber ini tidak selaras dan jauh terpesong dari dengan ajaran Islam. Allah SWT memberi peringatan mengenai larangan mencari dan mendedahkan keaiban orang lain melalui surah al Hujurat ayat 12 seperti di bawah.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”*

(Al-Hujurat, 49 : 12)

Islam melarang kita dari bersangka buruk, mengintip, mencari-cari kesalahan dan keaiban orang lain. Ini termasuklah apa yang tersembunyi didalam komputer mahupun akaun atas talian milik peribadi orang lain. Nabi Muhammad SAW menyuruh kita menjadi muslim yang baik dengan tidak mencampuri hal orang lain (Malik Ibn Anas, 1989). Dalam konteks ini Islam menghormati hak privacy orang lain dengan tidak mencari-cari kesalahan atau keaiban orang lain di alam maya melalui penggunaan komputer dan teknologi maklumat.

### 3.3 Amanah Dalam Menjaga Maklumat dan Data Peribadi

Sesungguhnya sifat amanah itu dituntut dalam Islam. Beramanah dalam segala urusan harian dan pekerjaan termasuklah menjaga

maklumat dan data peribadi sendiri mahupun orang lain dan Allah melarang hambanya mengkhianati amanah yang diberikan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”*

(An-Nisaa', 4:58)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”*

(Al-Anfal, 8:27)

Sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang maksudnya:

*“Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya maka ia adalah seorang munafik tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka dia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya; (empat sifat itu ialah) apabila diberikan amanah ia khianat, apabila bercakap, ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar ia mengenyapkan kebenaran.”*

(Ahmad Semait, 2006; al-Bukhari, 1987).

Berdasarkan ayat al Quran dan hadis di atas, seseorang itu telah melakukan kesalahan jika dia sengaja memberikan kata laluan, nombor pengenalan peribadi, nombor kredit atau debit kad, nombor akaun bank, atau mana-mana maklumat sulit mengenai sistem keselamatan komputer kepada orang lain tanpa keizinan. Ini menunjukkan butiran-butiran peribadi juga merupakan satu bentuk amanah yang perlu dijaga. Jika maklumat-maklumat tersebut dibocorkan oleh pihak ketiga maka ia dinamakan pecah amanah. Misalnya, seorang pekerja diberi kepercayaan untuk menyimpan dan mengendalikan maklumat sulit atau katalaluan untuk memasuki akaun atau data peribadi syarikat, maka dia sepatutnya tidak menyebarkan atau memberikannya kepada orang lain selain dirinya sendiri tanpa kebenaran pihak syarikat. Sama ada beliau muslim atau bukan Islam tanggungjawab menjaga amanah adalah sama. Kepercayaan yang dimaksudkan di sini adalah satu bentuk amanah yang perlu dipertanggungjawabkan kepada seseorang. Malah Allah mengingatkan manusia akan amanah dan janjinya dalam surah Al-Muimuun ayat 8.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya”*

(Al-Mu'imuun, 23:8)

### 3.4 Mencuri Maklumat dan Data Peribadi

Pencuri identiti di alam siber mencuri maklumat dan data peribadi orang lain secara sengaja dengan tujuan untuk menggunakannya dalam urusan peribadi. Misalnya mencuri nombor akaun bank, kad kredit mahupun kad debit dan menggunakannya untuk

melakukan pembelian dan pembayaran secara atas talian. Nabi Muhammad S.A.W bersabda yang bermaksud, *“Adalah dilarang mengambil harta orang muslim tanpa kebenaran”* (al-Baihaqi, 1994).

Dalam surah An-Nisaa' ayat 29, Allah memberi larangan dalam mencuri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”*

(An-Nisaa', 4:29)

Mufti Dr. Rajab Abu Maleh, seorang konsultan syariah (Rajab Abu Maleh, 2010) telah mengeluarkan fatwa berkaitan kecurian melalui Internet, dimana jenis kecurian terbahagi kepada mencuri maklumat atau melakukan plagiat, kedua mencuri wang tunai melalui kad kredit samaada melalui penggodaman atau mencuri terus kad kredit tersebut bersama kata laluan dan memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun peribadi seseorang mahupun mengeluarkan wang tunai dari mesin wang automatik.

Walaupun bagaimanapun jenis kecurian yang pertama iaitu mencuri maklumat atau plagiat dianggap kesalahan yang lebih ringan berbanding kesalahan mencuri harta. Tambahan pula beberapa ulama melihat plagiat dibenarkan sebagai cara menyebarkan ilmu atau alasan bahawa hak-hak intelektual bukan harta. Namun kesalahan tersebut perlu diadili dengan hukuman tatatertib.

Bagi kesalahan kedua pula bergantung kepada situasi dan keadaan, dan jika disabitkan kesalahan hukuman mencuri dalam Islam maka hukumannya adalah dipotong tangan seperti dalam surah Al-Maaidah ayat 38 yang bermaksud:

*“Dan seorang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang telah mereka usahakan, (juga sebagai) suatu hukum pencegahan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”*

(Al-Maaidah, 5:38)

Dalam Islam, seseorang yang benar-benar beriman tidak akan sanggup mencuri, dimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud, *“Penzina tidak akan melakukan penzinaan bila dia beriman, dan peminum arak tidak akan minum arak bila dia beriman, dan pencuri tidak akan mencuri bila dia beriman”* (Ahmad Semait, 2006).

Hadis di atas menerangkan seseorang yang benar-benar sempurna keimanannya, segala perbuatan keji dan dosa tidak akan dilakukan. Ini kerana orang yang beriman mempunyai keyakinan yang utuh terhadap Allah yang memerhatikan setiap tingkah laku manusia.

## 4.0 AKTA JENYAH KOMPUTER DI MALAYSIA

Akta Jenayah Komputer 1997 adalah berkaitan dengan kesalahan berkaitan penyalahgunaan komputer untuk tujuan melakukan jenayah. Dibawah akta ini, capaian secara tidak sah atau mengubah apa-apa program atau data yang terdapat di dalam sesebuah komputer tanpa kebenaran adalah salah dan boleh dikenakan hukuman. Akta ini juga boleh terkesan kepada apa-apa

jenayah yang dilakukan di luar Malaysia walaupun kesalahan tersebut dilakukan oleh seseorang atau dari sesuatu tempat di luar Malaysia selagi mana komputer, program atau data tersebut berada di Malaysia atau boleh dicapai, dihubungkan atau digunakan dengan komputer di Malaysia.

Merujuk kepada Akta Jenayah Komputer 1997 di Malaysia, kes-kes kecurian secara tradisinya telah ditadbir di bawah kod Keseksaan Malaysia, undang-undang jenayah menyediakan sekatan dalam bentuk seksyen 378 Kanun Keseksaan berkaitan dengan kecurian, seksyen 402-404 berkaitan dengan penyelewengan jenayah harta, dan seksyen 405-409 berkaitan dengan jenayah pecah amanah dan seksyen 421-424 berkaitan dengan perbuatan penipuan dan pelupusan harta. Mahkamah diberi kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah dalam prosiding jenayah untuk membuat perintah restitusi.

- (1) Jenayah Kecurian diperuntukkan di bawah Seksyen 378 Panel Kod
- (2) Jenayah Penipuan diperuntukkan di bawah Seksyen 415 Panel Kod
- (3) Jenayah Pengkhianatan diperuntukkan di bawah Seksyen 425 Panel Kod

Walaupun Kanun Tatacara Jenayah telah wujud lama sebelum era ICT, pelaksanaan boleh dikenakan ke atas jenayah yang berkaitan dengan jenayah siber. Walau bagaimanapun pelaksanaan Kanun Tatacara Jenayah ke atas jenayah siber di Malaysia adalah tidak mencukupi kerana kekurangan kewujudan keutamaan.

#### 4.1 Kontrak

Peraturan kontrak tradisional menganggap bahawa kebanyakan kontrak akan mengambil kira tentang tawaran dalam bentuk bertulis dan juga penerimaan bertulis dan juga isu formasi kontrak selalunya diselesaikan dengan membezakan di antara komunikasi serta-merta atau bukan serta-merta (Abu Bakar Munir, 1999).

Perkembangan teknologi telah memperkenalkan alatan seperti faks, teleks mesin dan juga Internet yang menimbulkan cabaran baru kepada tanggapan tradisional. Lebih kerap daripada tidak, undang-undang dan prinsip konvensional mampu menghulurkan kepada pembaharuan dan situasi yang ada.

Prinsip yang menyatakan bahawa seorang Muslim sepatutnya hormat kepada peraturan mereka menunjukkan bahawa adalah dilarang menggunakan komputer orang lain atau mendapatkan apa yang disimpan di dalam program atau maklumat yang disimpan oleh mereka tanpa meminta kebenaran terlebih dahulu. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Muslim dan bukan Muslim dilayan sama rata dalam keadaan seperti ini.

Bagi formasi sesebuah kontrak memerlukan dua pihak yang terlibat, pihak pertama menawarkan kontrak manakala pihak yang kedua merupakan pihak yang menerima kontrak atau tawaran tersebut. Tawaran merupakan cadangan yang dibuat bagi menunjukkan kesanggupan seseorang bagi membuat sesuatu kontrak dan sebagai balasannya pihak satu lagi akan membuktikan bahawa dia sanggup menerima tawaran tersebut.

Terma dan syarat bagi sesebuah kontrak dengan mudah dapat berkomunikasi secara talian tetapi timbul isu berkaitan dengan tempat pertemuan. Secara tradisi, dengan komunikasi secara tutup talian di mana kedua-dua belah pihak bersemuka secara depan tidak akan timbul isu ketanpanamaan. Dalam hal ini, undang-undang Islam sangat menitikberatkan kepentingan konsep tempat pertemuan dan boleh difahami melalui hadis berikut:

*“Apabila dua orang terlibat dalam satu transaksi, setiap orang mempunyai hak untuk membatalkannya (transaksi) selagi mereka tidak berpisah dan bersama (ditempat transaksi); atau*

*sekiranya seseorang memberi hak untuk membatalkan transaksi tersebut. Sekiranya seseorang memberi pilihan, transaksi di buat berdasarkan syarat maka ianya terikat. Sekiranya mereka berpisah setelah mereka membuat tawaran dan tiada sesiapa pun membatalkannya maka transaksi itu terikat”*

(Nasiruddin al-Khattab, 2007)

Hadis di atas meliputi kedua-dua konsep tempat pertemuan dan juga masa bagi memenuhi sesuatu tawaran. Idea berkaitan dengan penentuan tempat di dalam sistem perundangan Islam komersil diperlukan untuk melanjutkan tempoh kesahihan sesuatu tawaran dalam tempoh masa tertentu di mana penerimaan perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

Sebahagian dari memberi pilihan bagi mengungkapkan jualan pada bila-bila masa sebelum pemisahan tempat pertemuan mengurangkan ketanpanamaan yang akan membawa kepada kebimbangan kepada ketidakpastian (*gharar*). Kegagalan dalam menangani isu ketanpanamaan ini akan membawa kepada masalah lain iaitu berkenaan dengan kesahihan dan juga isu keselamatan dari segi transaksi itu sendiri.

Walaupun kontrak elektronik secara relatifnya bukan sesuatu fenomena yang baru yang wujud bersama-sama dengan e-Dagang di Malaysia, masih belum ada sebarang inisiatif untuk menggabungkannya di dalam Akta Kontrak yang sedia ada. Oleh itu sebarang peruntukan untuk undang-undang kontrak elektronik sebelumnya yang berkaitan dengannya di Malaysia ditadbir oleh Akta Kontrak 1950 yang telah diterima dari common law.

Tidak seperti kontrak tradisional yang berasaskan kertas isu undang-undang yang mengelilingi kontrak melalui Internet bermula dari komunikasi kontrak, tawaran dan penerimaan termasuk penyetempatan undang-undang dan penguatkuasaan sesuatu kontrak. Tawaran dan penerimaan dilaksanakan melalui e-mel, pertukaran data elektronik atau laman sesawang e-Dagang.

Tawaran dalam kenalan yang dikenali sebagai “cadangan” ditakrifkan di bawah seksyen 2(a). Tawaran itu harus mendapat niat yang pasti dari yang menawarkan dan bukan semata-mata sebagai satu jemputan untuk tarikan atau jemputan kepada pembeli yang berpotensi. Pengguna tidak sepatutnya menyimpulkan bahawa laman sesawang e-Dagang merupakan tawaran tetapi jemputan semata-mata untuk penjagaan dan apabila jawapan telah dibuat melalui sistem e-Dagang dengan menekan butang “setuju” atau melalui e-mel, tindakbalas tersebut disimpulkan sebagai penerimaan kepada satu tawaran yang mempunyai undang-undang yang terikat.

Secara etika, peniaga atau syarikat-syarikat mengiklankan produk mereka di Internet sepatutnya termasuk suatu pernyataan yang jelas menyatakan sama ada ia adalah satu tawaran atau sama ada tindak balas dari pembeli merupakan tawaran yang sah bagi mengelakkan ketidakpastian (*gharar*) yang mengundang kepada penipuan.

Dalam terma sesebuah kontrak penerimaan, dalam seksyen 4(2) statut lama mentakrifkan di dalam dua undang-undang alternatif untuk ini :

- i. Peraturan pos bagi komunikasi bukan serta-merta
- ii. Peraturan teleks bagi komunikasi serta-merta

Bagi peraturan yang pertama, komunikasi untuk sesuatu cadangan adalah lengkap apabila ia sampai kepada pengetahuan orang yang sepatutnya. Ilustrasi bagi Akta memperuntukkan :

Cadangan menggunakan surat untuk menjual sesuatu harta kepada;

1. B pada sesuatu harga. Komunikasi penerimaan adalah lengkap apabila B menerima surat tersebut
2. B menerima cadangan A melalui surat yang dihantar melalui pos. Komunikasi penerimaan adalah lengkap, Berbanding A, apabila surat itu diposkan Berbanding B, apabila surat diterima oleh A.

Untuk komunikasi serta-merta melalui Internet, Akta Kontrak di Malaysia mungkin mengalami kesan buruk akibat ketiadaan definisi menyeluruh untuk persiapan kontrak. Apabila penerimaan disampaikan menggunakan e-mel, perkhidmatan chat atau aplikasi e-Dagang, peraturan penerimaan adalah terpakai. Dalam erti kata lain, penerimaan mestilah disampaikan kepada pembuat tawaran menggunakan cara digital dan hanya berkesan dan sah apabila penerimaan sampai kepada pengetahuan pembuat tawaran. Kedua-dua hukum Syariah dan konvensional sebulat suara memerlukan persetujuan bersama.

Terdapat dua isu yang mesti ditangani. Isu pertama yang timbul ialah, kontrak tidak secara khusus mengiktiraf atau menentukan mesej data dalam e-Dagang untuk mengesahkan kontrak (Md Abdul Jalil & Leo D Pointon, 2004). Keduanya, walaupun ia tidak, bagaimana seseorang menentukan masa apabila penerimaan tiba kepada pengetahuan pembuat tawaran di Internet? Jika sesuatu penerimaan disampaikan dengan cara ini, mesej penerimaan memasuki sistem maklumat pembuat tawaran tidak kira apabila pembuat tawaran membuka sistem maklumat dan membaca mesej.

Kontrak elektronik boleh diwujudkan tanpa memerlukan mana-mana pihak sedar akan resit penerimaannya. Oleh kerana itu, interaksi manusia tidak dikehendaki untuk mewujudkan sesuatu kontrak elektronik. Pertukaran data elektronik di dalam transaksi e-Dagang akan menjadi lebih efektif apabila sampai di satu lokasi dan juga di dalam bentuk yang mudah untuk diproses datanya tanpa memerlukan kesedaran seseorang individu.

Satu jalan penyelesaian bagi sesebuah syarikat yang menjual produk secara atas talian jelas menyatakan di laman mereka masa yang tepat dan bermakna di mana penerimaan akan mengambil tempat. Sebagai contoh, sesebuah syarikat mengaki resit penerimaan e-mel, atau produk dihantar, atau jika produk digital, bila masanya boleh dinaikturun atau dengan bertindak balas kepada apa-apa yang terdapat pada alat talian. Artikel ini timbul secara sengaja dan menekankan isu-isu untuk pengawal selia dan ulama bagi meneliti pindaan pada masa depan.

## ■5.0 PERLINDUNGAN DATA PERIBADI – UNDANG-UNDANG PRIVASI DI MALAYSIA

Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi telah diperkenalkan sebelum ini sejak 2001 oleh penggubal undang-undang Malaysia masih lagi tidak mengisytiharkan undang-undang tersebut (Lake Tee Khaw, 2002). Undang-undang perlindungan data yang dianggap perlu bagi membentuk keyakinan di kalangan pengguna e-Dagang dan pengguna yang menggunakan transaksi elektronik dan akhirnya menggalakkan persekitaran elektronik yang selamat selaras elektronik dalam selaras dengan objektif Koridor Super Multimedia. Sebagai contoh, jika seseorang yang kita tidak kenali cuba untuk menjual sesuatu atau e-mel dari syarikat yang juga tidak diketahui walau cuma sebahagian kecil. Mereka yang menghantar mesej mempunyai nombor kita untuk dihubungi mereka mungkin juga mempunyai maklumat peribadi seperti nombor kredit kad, alamat rumah dan sebagainya. Ini akan membenarkan penyalahgunaan maklumat berlaku.

Sekiranya pembentukan rang undang-undang akan dapat mengawal koleksi, memegang, memproses dan penggunaan data peribadi oleh sesiapa bagi memberi perlindungan kepada maklumat peribadi seseorang dan dalam masa yang sama melindungi privasi peribadi. Selain daripada melindungi dan menyelamatkan persekitaran elektronik, rang undang-undang juga dapat membentuk keyakinan di kalangan pelanggan dan pengguna hasilnya akan meningkatkan pengambilan transaksi e-dagang.

Islam menganggap dan mengiktiraf pemilikan data peribadi oleh seseorang bergantung kepada yang dinyatakan dalam surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”*

(Al-Hujurat, 49: 12)

Dinyatakan dalam tafsir Ibnu Kathir:

*“Allah SWT mengharamkan hambanya yang beriman daripada berperasangka termasuk merasa ragu-ragu dan curiga terhadap ahli keluarga, kerabat atau orang lain secara umum. Oleh itu, Muslimin mesti menghindari prasangka tanpa asas. “Umar bin al-Khattab berkata, “Jangan berperasangka buruk dari kata-kata yang keluar dari mulut saudara kamu, selagi kamu dapat mencari alasan yang baik untuk itu”*

(Ibn Kathir, t.t.).

Dalam hal ini Islam lebih awal memperuntukkan apa yang disebut sebagai manfaat keraguan (*benefit of doubt*). Allah juga melarang mereka supaya mereka tidak mentertawakan orang lain, memfitnah atau mengintip bagi mencari kesalahan dan menimbulkan gangguan dan pertikaian, ini kerana membawa kepada syirik.

Walau bagaimanapun, Malaysia tidak kurang peruntukan berkaitan dengan perlindungan privasi. Di bawah Seksyen 234 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 melarang pemintasan komunikasi yang menyalahi undang-undang. Pemintasan yang menyalahi undang-undang dimana lebih dikenali sebagai “menggodam dengan niat merosakkan atau menggodam untuk menguji” yang didefinisikan di bawah akta tersebut.

Di samping itu, di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 di mana dimasukkan ke dalam penguatkuasaan pada tahun 1999 menghalang sebarang akses yang tidak dibenarkan kepada komputer, program, data dan juga informasi teknologi maklumat yang lain. Penerangan lanjut bagi akses yang tidak dibenarkan ialah:

- i. akses yang tidak dibenarkan dengan niat untuk melakukan dan memudahkan berlakunya kesalahan lebih lanjut
- ii. pengubahsuaian tanpa kuasa untuk kandungan sebarang komputer
- iii. komunikasi yang salah berkenaan dengan akses

Walaupun pada hakikatnya titik asas mempunyai apa-apa undang-undang di atas adalah untuk membekalkan keselamatan melalui Internet, mereka tidak dapat menangani sepenuhnya data peribadi pelanggan yang dijalankan melalui transaksi e-dagang.

Akta Perlindungan Data Peribadi amat diperlukan bagi membentuk keyakinan di kalangan pelanggan dan pengguna dari kedua-dua persekitaran iaitu persekitaran berangkaian dan persekitaran tidak berangkaian dan juga mempercepatkan pengambilan e-dagang di dalam negara di mana selari dengan objektif Koridor Raya Multimedia Malaysia.

Akta ini akan menangani masalah data pelanggan seperti kes dimana pengguna menerima teks mesej dari seseorang yang tidak diketahui yang cuba menjual atau mengiklankan sesuatu atau e-mel daripada syarikat yang tidak dikenali. Perkara ini amat kritikal di mana jika mereka mempunyai data untuk dihubungi atau e-mel, mereka juga mungkin mempunyai alamat rumah atau tempat kerja, nombor kad pengenalan atau nombor kredit kad yang membenarkan proses kejuruteraan sosial lebih mudah.

Bayangkan jika data peribadi ini disebarluaskan secara meluas dari satu organisasi atau syarikat (bank, syarikat insurans, laman rangkaian sosial dan sebagainya) dan dikongsi dalam kalangan mereka tanpa ada peraturan dan undang-undang untuk menghadkan penyalahgunaan akan menyebabkan pelanggan semua akan berisiko mempunyai maklumat yang telah disalahgunakan.

## 6.0 KESIMPULAN

Artikel ini telah cuba untuk menarik perhatian ulama, pengawal selia dan pembuat dasar tentang gambaran semasa undang-undang siber di Malaysia dari tiga aspek yang disebutkan kedua-duanya dari sudut pandangan Islam dan konvensional. Sebagai umat Islam (Negara), artikel ini cuba untuk memberi sinar kepada cabaran baru dalam melindungi mereka daripada jenayah yang sukar dikesan. Kepercayaan (iman) dan takut kepada Tuhan (takwa) yang merupakan karakter umat Islam tidak dapat menggantikan aktiviti di ruang siber yang cenderung untuk

mereka mematuhi kepada ajaran Islam yang membentuk amalan harian mereka sebagai orang Islam dalam era siber.

## References

- [1] Akta Kontrak. 1950
- [2] Akta Jenayah Computer. 1997
- [3] Akta Perlindungan Data Peribadi. 2010
- [4] Abdullah Yussuf Ali. 1934. *The Holy Qur'an: Text, Translation and Commentary*. Maryland, US: Amana Corporation.
- [5] Abu Bakar Munir. 1999. *Cyber law Policies and Challenges*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia.
- [6] Ahmad Bin al-Husain Bin Ali al-Baihaqi. 1994. *Sunan al-Kubra*. Juz. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [7] Ahmad Semait. 2006. *Shahih Bukhari: Imam Bukhari*. Singapore: Pustaka Nasional.
- [8] Al-Bukhari Mohammad I. 1987. *Al-Bukhari, Sahih*. Ibn Kather Publishing.
- [9] Hafiz Ibn Kathir.N.D. *Tafsir Ibn Kathir*. Riyadh: Darussalam.
- [10] Hurriyah El-Islamy. 2002. *E-Business an Islamic Perspective*. A. S. Noordeen. K. Lumpur.
- [11] Malik Ibn Anas. 1989. *Al-Muwatta of Iman Malik Ibn Anas: The Islamic-Classical Library Series*. UK: Routledge.
- [12] Mansoor Al-A'ali. 2007. *Cybercrime and the Law: An Islamic View*. February 2011, daripada <http://www.webology.org/2007/v4n3/a46.html> 4.
- [13] Jalil, M.A., & Pointon, L.D. 2004. *Developments in electronic contract laws: A Malaysian perspective*. Computer Law & Security Review. 20(2) : 117–124.
- [14] Nasiruddin al-Khattab. 2007. *English Translation of Shahih Muslim*. Riyadh: Darussalam.
- [15] Pflieger, C. Pflieger. 2006. *Security in Computing 4th Edition*. New Jersey: Prentice Hall.
- [16] Rajab Abu Maleh. 2010. *Online Fatwa*. September 2010. daripada <http://islamonline.net>.
- [17] Raymond R. Panko. 2006. *Corporate Computer and Network Security*. New Jersey: Upper Saddle River.
- [18] Tee, K.L. 2013. Towards a Personal Data Protection Regime in Malaysia. *Journal of Malaysian and Comparative Law*. 29 (1).